

NAMA: TINGKATAN:

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

MODUL TOP 5 KUALA LUMPUR 2026**PERNIAGAAN****3766/1****PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM****Kertas 1****1 jam 15 minit**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. kemudian hitamkan jawapan baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **24** halaman bercetak

Arahan : Jawab semua soalan.

- 1 Pernyataan manakah yang menerangkan tujuan utama sebuah perniagaan? (R)
 - A Memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan
 - B Menawarkan barang dan perkhidmatan kepada pelanggan
 - C Memberi keselesaan kepada pelanggan
 - D Membina imej perniagaan

- 2 Manakah pernyataan yang **benar** tentang perniagaan milikan tunggal? (R)
 - A Mudah ditubuhkan
 - B Tiada risiko perniagaan
 - C Mempunyai liabiliti terhad
 - D Mudah memperoleh keuntungan

- 3 Pernyataan manakah yang menerangkan persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz sederhana? (S)
 - A Pengkhususan kerja mudah dilakukan
 - B Pekerja berpengalaman mudah diperoleh
 - C Perniagaan menikmati ekonomi bidangan
 - D Perubahan dalam strategi perniagaan mudah dilaksanakan

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat A&A Kurier Sdn. Bhd. (R)

Menyediakan perkhidmatan pos di seluruh semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Apakah skala perniagaan tersebut?

- A Skala zon
 - B Skala negeri
 - C Skala tempatan
 - D Skala kebangsaan
- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan pelepasan cukai. (S)

Syarikat Harimau Malaysia Sdn Bhd dikecualikan pembayaran cukai selama lima tahun.

Apakah jenis pelepasan cukai yang diterima oleh Syarikat Harimau Malaysia Sdn Bhd?

- A Taraf perintis
- B Potongan cukai
- C Pengecualian cukai
- D Elaun cukai dan pelaburan



- 6 Antara berikut yang manakah punca berlakunya inflasi? (T)
- I Kenaikan kos pengeluaran barang
 - II Peningkatan jumlah barangan di pasaran
 - III Permintaan terhadap barangan semakin berkurang
 - IV Peningkatan permintaan barang berbanding dengan jumlah barang yang terhad.
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
-
- 7 Antara berikut yang manakah merupakan kesan deflasi? (S)
- I Aktiviti perniagaan terbantut
 - II Penduduk kehilangan pekerjaan
 - III Peningkatan kuasa beli penduduk
 - IV Penurunan penawaran barang di pasaran
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Maklumat berikut menunjukkan masalah yang dihadapi oleh Kedai Pakaian Fesyen Farisha (S)

Kedai Pakaian Fesyen Farisha terpaksa menamatkan
perniagaannya kerana jualanannya merosot.

Apakah faktor dalaman yang menyebabkan perubahan persekitaran perniagaan tersebut?

- A Kemerosotan ekonomi
 - B Kelemahan pengurusan
 - C Perubahan citarasa pelanggan
 - D Ketidakstabilan ekonomi
- 9 Pilih persekitaran dalaman yang boleh menjayakan sesebuah perniagaan. (R)
- I Situasi politik yang stabil
 - II Keadaan ekonomi yang baik
 - III Sumber manusia yang mencukupi
 - IV Perkembangan sistem teknologi maklumat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 10 Maklumat berikut menunjukkan pernyataan visi bagi sebuah organisasi (S)
sesebuah perniagaan.

Visi

“Menjadi syarikat pengeluar produk A yang terunggul di
Malaysia”.

Pilih pernyataan yang benar tentang visi tersebut.

- A Pengurus menjadikan visi tersebut sebagai panduan untuk membuat keputusan
- B Kerajaan memerlukan visi tersebut untuk tujuan pengutipan hasil cukai
- C Pekerja-pekerja memerlukan visi untuk menyokong usaha mereka
- D Pemilik perniagaan memerlukan visi tersebut untuk memastikan keuntungan dapat dimaksimumkan.

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis organisasi. (S)

- Majlis Belia Malaysia
- Persatuan Pengguna Melaka

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan organisasi tersebut?

- I Meningkatkan ekonomi ahli
- II Sediakan perkhidmatan yang cekap
- III Sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada semua ahli
- IV Melengkapkan semua ahli dengan pekerjaan yang sesuai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Apakah maksud spesifik? (S)

- A Objektif yang di capai perlu dinyatakan.
- B Objektif perlu dinyatakan dengan jelas dan bersistem.
- C Objektif baru mendatangkan manfaat kepada pemilik.
- D Objektif yang ditetapkan mestilah dicapai dalam masa yang diberikan.

13 Berikut merupakan objektif perniagaan sebuah restoran makanan laut. (S)

Restoran Makanan Laut Pak Firdaus ingin meningkatkan keuntungan syarikatnya sebanyak RM25% setahun.

Apakah ciri-ciri SMART yang terdapat dalam objektif Restoran Makanan Laut Pak Firdaus bagi mencapai keuntungan dalam masa setahun?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Boleh diukur
- D Boleh dicapai

14 Syarikat Yaya Gemilang menanggung kos tetap sebanyak RM250 000 dalam pengeluaran basikal. Harga sebuah basikal dijual ialah RM200 manakala kos berubah bagi sebuah basikal ialah RM150. (T)

Hitung titik pulang modal Syarikat Super.

- A 625 buah basikal
- B 800 buah basikal
- C 2500 buah basikal
- D 5000 buah basikal

- 15 Apakah tujuan bahagian pengurusan kewangan ditubuhkan? (R)
- I Mengagihkan sumber kewangan
 - II Memantau aktiviti pengeluaran
 - III Menjamin produk sampai kepada pengguna
 - IV Memastikan sumber kewangan perniagaan sentiasa mencukupi.
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 16 Pernyataan manakah berkaitan dengan bahagian fungsian. (T)
- A Bahagian yang mempunyai fungsi umum dalam seluruh organisasi perniagaan
 - B Bahagian yang mempunyai tanggungjawab khusus dalam seluruh organisasi perniagaan
 - C Sebahagian dalam organisasi perniagaan yang mempunyai tanggungjawab khusus dalam bahagian tersebut.
 - D Sebahagian dalam organisasi perniagaan yang mempunyai fungsi umum dalam bahagian tersebut

- 17 Apakah yang akan dijalankan semasa membuat analisis perniagaan? (T)
- A Merekabentuk produk daripada idea yang telah dijana
 - B Menguji konsep baharu untuk pembangunan produk
 - C Menghasilkan idea baharu dalam pembangunan produk
 - D Melibatkan kajian semula jualan, kos dan unjuran keuntungan
- 18 Manakah yang tepat untuk menerangkan tentang pasaran baharu? (T)
- A Pasaran berpotensi untuk diterokai
 - B Pasaran sedia ada akan diberikan nafas baharu
 - C Pasaran sedia ada menawarkan produk baharu
 - D Pasaran sedia ada yang mempunyai pertambahan penduduk
- 19 Bagaimanakah teknologi maklumat dikatakan dapat membantu bahagian fungsian pengeluaran dalam sesebuah perniagaan? (R)
- A Memudahkan pemasaran
 - B Pesanan belian dapat dilakukan dengan lebih cepat
 - C Penghasilan produk mengikut standard yang telah ditetapkan.
 - D Pengurusan data kewangan jabatan dapat diperolehi dengan cepat dan cekap.



- 20 Pilih pernyataan yang benar berkaitan dengan hubungan antara bahagian pemasaran dan bahagian pengeluaran. (S)

	Pemasaran	Pengeluaran
A	Membuat tempahan produk	Menyediakan sumber kewangan
B	Tempahan produk dibuat	Keluarkan produk mengikut tempahan
C	Menyediakan sumber kewangan	Keluarkan produk berdasarkan tempahan
D	Keluarkan produk berdasarkan tempahan	Menyediakan sumber kewangan

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan kepentingan pengurusan sumber manusia. (R)

Sumber manusia sentiasa mencukupi

Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan tersebut?

- A Sumber manusia memenuhi syarat untuk bekerja
- B Tenaga manusia sentiasa ada apabila diperlukan
- C Jumlah tenaga kerja melebihi keperluan organisasi
- D Bilangan pekerja mencukupi keperluan organisasi

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan pekerja di sebuah organisasi (S)
perniagaan.

Setiap pekerja di Syarikat Azmi Sdn. Bhd. berusaha mencapai KPI perniagaan.

Apakah peranan bahagian sumber manusia untuk mencapai hasrat tersebut?

- A Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
 - B Pemberian insentif yang munasabah
 - C Pemantapan budaya profesional
 - D Latihan peningkatan kemahiran
- 23 Gambar 1 menunjukkan masalah yang berlaku di sebuah organisasi. (T)

"Sekumpulan pekerja di Syarikat Pembuatan Teguh Berhad telah melancarkan aksi mogok lapar di hadapan pintu pagar kilang. Tindakan ini dilakukan sebagai protes terhadap kegagalan pihak pengurusan menyediakan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang mencukupi walaupun aduan telah dibuat berulang kali."

Nyatakan aspek pengelolaan sumber manusia yang perlu dibuat untuk menyelesaikan masalah di atas?

- A Struktur penggajian
- B Penyelesaian masalah
- C Fasiliti tempat kerja
- D Struktur organisasi

- 24 Maklumat berikut menunjukkan kemahiran kebolehtkerjaan Cik Mimi dan Puan Zehra. (S)

- Cik Mimi- Lulusan Universiti
- Puan Zehra- Menjadi tukang jahit selama lima tahun

Apakah kelebihan yang ada dalam diri Cik Mimi dan Puan Zehra sekiranya ingin memohon jawatan sebagai penyelia di sebuah kilang Adidas.

- A Berpengalaman
 - B Kelayakan yang bersesuaian
 - C Berpengalaman dalam industri tertentu
 - D Berpengetahuan tentang produk dan perkhidmatan
- 25 Maklumat di bawah berkaitan dengan kemudahan yang terdapat di sesebuah organisasi perniagaan. (S)

Syarikat Autonomi menyediakan kemudahan penginapan kepada pekerjanya.

Apakah kemudahan tersebut?

- A Bonus
- B Faedah
- C Komisen
- D Gaji asas

- 26 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan sumber manusia? (R)
- A Merupakan barang niaga perniagaan
 - B Penggunaannya untuk jangka panjang
 - C Aset yang dibeli untuk dijual kepada orang lain
 - D Aset ini digunakan untuk menjalankan operasi perniagaan
- 27 Apakah jenis insurans yang paling sesuai untuk melindungi produk siap sesebuah perniagaan. (R)
- I Insurans ilat
 - II Insurans nyawa
 - III Insurans kecurian
 - IV Insurans kebakaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 28 Berikan maksud paten? (R)
- A Hak eksklusif bagi mengeluarkan produk
 - B Kebenaran untuk mengeluarkan dan memasarkan produk
 - C Hak eksklusif yang diberikan untuk sesuatu reka cipta produk dan proses
 - D Hak eksklusif bagi menghasilkan karya yang berkualiti

- 29 Manakah antara berikut merupakan sumber fizikal berbentuk kemudahan bagi jenama kereta Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON)? (T)
- I Trek ujian
 - II Bilik Pameran
 - III Reka bentuk kereta
 - IV Pengalaman pekerja
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 30 Antara yang berikut, manakah merupakan modal bagi menjalankan sesebuah perniagaan? (R)
- I Inventori
 - II Usahawan
 - III Tenaga kerja
 - IV Wang tunai
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



- 31 Manakah antara yang berikut merupakan modal bagi perniagaan Kedai Jahit Che Pah? (R)
- I Mesin Jahit
 - II Pakaian siap
 - III Ketuhar
 - IV Mesin Pengadun
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 32 Manakah antara yang berikut merupakan sumber pembiayaan dalaman? (R)
- I Syer
 - II Overdraf
 - III Simpanan tetap
 - IV Modal daripada keuntungan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 33 Nyatakan kelemahan sumber pembiayaan dalaman untuk sesebuah perniagaan. (S)
- A Modal terhad
 - B Memerlukan cagaran
 - C Memerlukan penjamin
 - D Dikenakan faedah yang tinggi
- 34 Manakah antara berikut yang dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan sesuatu pinjaman? (R)
- I Cagaran aset
 - II Karakter pinjaman
 - III Sumber manusia diletakkan mengikut jantina
 - IV Memastikan sumber manusia dipilih mengikut kaum
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



- 35 Antara yang berikut, manakah perlu dibincangkan oleh peniaga dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) apabila berminat untuk membuat permohonan pembiayaan kewangan ? (R)
- I Jenis pembiayaan
 - II Modal perniagaan
 - III Syarat permohonan
 - IV Tempoh pembiayaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 36 Apakah maksud penyata kewangan? (R)
- A Melakukan rekod urusan niaga
 - B Dokumen yang mencatatkan butiran aktiviti
 - C Rekod formal kegiatan kewangan sesebuah perniagaan
 - D Rekod tidak formal aktiviti yang dilakukan oleh sesebuah perniagaan

- 37 Manakah antara berikut yang terkandung dalam penyata pendapatan? (R)
- I Kos jualan
 - II Modal awal
 - III Modal kerja
 - IV Jualan bersih
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 38 Pilih golongan yang memerlukan penyata kewangan sesebuah perniagaan? (R)
- I Pemilik
 - II Pelabur
 - III Pelanggan
 - IV Orang tengah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Pada harga jualan RM8 seunit, titik pulang modal produk adalah 350 unit. (T)

Apakah langkah yang harus diambil oleh peniaga sekiranya dia ingin mengurangkan titik pulang modal?

- A Menggiatkan kegiatan ekonomi
- B Menjual produk pada harga kurang daripada RM8 seunit
- C Menjual produk pada harga yang lebih tinggi daripada RM8 seunit
- D Mengekalkan harga produk RM8 seunit serta memberi diskaun yang tinggi.

40

Perniagaan Azietul Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024	
	RM
Jualan	118 500
Tolak: Kos Jualan	(82 000)
Untung Kasar	36 000
<i>Tambah: lain-lain hasil</i>	<u>4 200</u>
	40 200
<i>Tolak: perbelanjaan</i>	(24 600)
Untung Bersih	15 600

Berapakah peratusan untung tokokan Perniagaan Azietul? (R)

- A 13.16%
- B 19.02%
- C 30.38%
- D 43.90%

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

